

**SOALAN NO. 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah sasaran bagi setiap strategi dalam Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas dalam menangani kes pengabaian dan penderaan warga emas.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

**Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya** telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011. Ia adalah dasar yang digubal khas untuk mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang boleh dan membantu supaya warga emas hidup sejahtera. Sebanyak enam (6) strategi dibentuk untuk mencapai objektif dasar tersebut.

Strategi ketiga adalah berkenaan **Keselamatan dan Perlindungan** yang merupakan strategi untuk menjamin hak dan akses warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan yang dijamin di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** dan **Kanun Keseksaan**

**[Akta 574].** Antara pendekatan yang diberi penekanan dalam strategi ini ialah mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas, memperkuatkan skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan (*vulnerable*), **memastikan warga emas hidup dalam persekitaran selamat dan mesra warga emas dan meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas.**

Pelbagai program yang berkaitan strategi ini telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memastikan aspek keselamatan dan perlindungan terhadap warga emas terjamin. Antaranya, **Economic Empowerment Project (EEP)** dijalankan di 17 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi menjana pendapatan dalam kalangan ahli yang berdaftar. Projek EEP juga turut diperluaskan di institusi-institusi warga emas di bawah kendalian JKM.

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan di bawah **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** merangkumi ahli keluarga termasuk orang dewasa tidak berkeupayaan, dalam konteks ini ialah ibu dan bapa. Akta ini perlu dibaca bersama dengan **Kanun Keseksaan [Akta 574]** atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga. Walaupun tiada undang-undang khusus bagi kes-kes penderaan dan penganiayaan terhadap warga emas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yakin bahawa kewujudan undang-undang merangkumi Akta-akta yang terpakai pada masa ini adalah mencukupi bagi menjamin keselamatan dan memberi perlindungan sewajarnya kepada warga emas.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menyediakan **Rumah Seri Kenangan** untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif. Selain itu, bagi memastikan warga emas kekal dalam komuniti, **program Homehelp** yang melibatkan sukarelawan dalam aspek penjagaan harian warga emas juga dapat mengurangkan risiko pengabaian warga emas oleh keluarga. Sehingga

**Jun 2016**, seramai **2,150 orang sukarelawan** telah melibatkan diri dalam program ini dan telah memberi manfaat kepada **5,892 warga emas**. Bagi memenuhi keperluan dan tuntutan semasa, JKM turut menawarkan **perkhidmatan Respite Care** sebagai satu inisiatif kepada keluarga menempatkan warga emas untuk jagaan sementara dan sekali gus mengelakkan pengabaian daripada berlaku.

Dalam masa yang sama, strategi ketiga ini meliputi pelbagai program/tindakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas yang meliputi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang telah dirangka. Pemahaman komuniti mengenai pengabaian warga emas perlu ditingkatkan melalui penyebaran maklumat di pelbagai saluran seperti media cetak, elektronik dan media massa di samping mengadakan seminar dan ceramah.

**Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Datuk Nenak** menjadi medium penyebaran maklumat mengenai isu dan cabaran penuaan termasuk pengetahuan mengenai aspek pengabaian warga emas.

Tuan Yang Dipertua,

Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara juga merupakan satu bentuk rancangan rapi dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas merangkumi semua aspek berkaitan warga emas. Seiring dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, adalah diharapkan agar kesedaran masyarakat umum tentang tanggungjawab menjaga warga emas akan meningkat bagi memastikan peranan dan tanggungjawab ini digembleng secara bersama antara Kerajaan dan ahli masyarakat.